

Kenyataan Media oleh
Gabungan Persatuan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)
dan
Persatuan Pengusaha-Pengusaha Bas SeMalaysia (PMBOA)

Status Pengangkutan Awam di Malaysia

Tidak dapat dinafikan bahawa keadaan pengangkutan awam di Malaysia tidak begitu menggalakkan:

- Bas tidak mengikut masa ketibaan yang ditetapkan
- Pengguna terpaksa menunggu lama untuk menaiki bas
- Bas tidak diselenggara dengan baik
- Hubungan di antara tempat-tempat tertentu tidak begitu baik
- Sistem pengangkutan awam tidak bersepadu
- Seringkali perjalanan bas juga mengambil masa yang lama kerana kesesakan lalu lintas
- Tidak ada maklumat yang tepat dan kemas kini tentang laluan bas

Janji demi janji dan KPI demi KPI telah ditetapkan oleh kerajaan, tetapi bagi pengguna, keadaan pengangkutan awam tidak bertambah baik.

Kerajaan harus memberikan komitmen yang serius terhadap penambahbaikan pengangkutan awam di Malaysia.

Tidak dapat dinafikan bahawa pada dekad yang lalu, lebih banyak tumpuan telah diberikan kepada industri kenderaan tempatan sehingga menyebabkan pengangkutan awam telah mengalami penurunan dari segi kegunaannya oleh pengguna. Begitu juga penurunan dari segi pelaburan dan kualiti perkhidmatan.

Namun trend pada masa kini, sebagaimana yang dinyatakan seperti di bawah ini, telah mengubah permintaan terhadap pengangkutan awam berbanding dengan pengangkutan persendirian:

- Kenaikan harga petrol
- Kesesakan lalu lintas
- Urbanisasi yang luas

- Kos lebu ray dan kadar tol yang semakin naik
- Isu-isu kesihatan dan alam sekitar
- Pertumbuhan penduduk yang pesat di kawasan bandar dan kawasan pinggir bandar

Pengangkutan awam adalah begitu penting sekarang. Dahulu pengangkutan awam digunakan oleh mereka yang tidak mampu membeli kereta sendiri, namun kini, ketika penduduk bandar menjadi begitu ramai, lebih ramai yang mampu menggunakan kereta, telah memilih untuk menggunakan pengangkutan awam.

Pengangkutan awam membantu:

- Mengurangkan kesesakan lalu lintas
- Mengurangkan kesesakan parkir kereta
- Masa perjalanan
- Kemalangan jalan raya
- Kos kepada pengguna
- Kos pembinaan infrastruktur yang mahal
- Kos penyelenggaraan kereta kepada pengguna
- Kegunaan tenaga yang berlebihan
- Pencemaran alam

Apakah harapan para pengguna terhadap pengangkutan awam?

1. Perkhidmatan yang boleh dipercayai
2. Masa perjalanan yang lebih singkat
3. Bas yang selesa
4. Maklumat terkini tentang masa perjalanan bas
5. Kemudahan seperti laluan pejalan kaki

Apakah harapan industri bas?

1. Pulangan pelaburan yang sesuai
2. Dasar pengangkutan yang komprehensif dan konsisten
3. Kos pembiayaan yang murah untuk membeli bas
4. Keanjalan masa perjalanan bas
5. Persaingan yang dikawal (tidak terlalu banyak lesen bas dikeluarkan tanpa kawalan)
6. Penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap pengusaha yang tidak sah dari segi undang-undang

Cadangan FOMCA dan Persatuan Pengusaha-Pengusaha Bas SeMalaysia

1. Kerajaan harus mengawal selia industri pengangkutan awam dan mewujudkan persekitaran yang positif untuk pengangkutan awam.
2. Kerajaan tidak harus menjadi pengendali perkhidmatan bas. Prestasi masa lampau jelas menunjukkan bahawa kerajaan tidak mempunyai kepakaran dalam mengendalikan pengangkutan awam.
3. Berdasarkan amalan terbaik (*best practices*) negara lain:
 - a. Industri mencadangkan subsidi diesel pada masa kini dihapuskan kerana subsidi ini tidak memperuntukkan sumber dengan cekap dan menimbulkan masalah penyeludupan.
 - b. Kerajaan hendaklah memberikan subsidi berdasarkan “per kilometer run” kepada pengendali bas.
4. Seterusnya kerajaan mengawal selia dari aspek:
 - Penentuan jadual yang dipatuhi dengan tepat (2 minit hingga 30 minit) untuk setiap kawasan
 - Tambang dikaji dari semasa ke semasa
 - Keadaan bas yang selamat
 - Keadaan bas yang selesa

5. Kerajaan seterusnya hendaklah menarik balik sebahagian subsidi:
 - Mengambil alih kawasan letak kereta sebagai sumber pendapatan kerajaan
 - Mengenakan caj (apabila sistem pengangkutan awam dalam keadaan memuaskan) kereta-kereta yang memasuki kawasan utama bandaraya
6. Kerajaan mewujudkan infrastruktur yang menggalakkan kegunaan bas seperti:
 - Lorong bas
 - Laluan pejalan kaki di kawasan perumahan
7. Kerajaan juga harus mengawal jumlah pengendali bas dan memastikan lesen tidak dikeluarkan kepada terlalu ramai pengusaha.
8. Dialog yang berterusan hendaklah diadakan dengan kerajaan, industri bas dan pengguna untuk menilai dan menambah baik system pengangkutan awam.

Negara lain telah mempertingkatkan kualiti pengangkutan awam sehingga menjadi pilihan utama pengguna; mengapa pula Malaysia tidak boleh melakukannya?

Apakah yang diperlukan adalah komitmen politik yang serius terhadap isu ini. Kerajaan harus menangani sebarang isu yang timbul secara pragmatik dan telus.

Satu sistem pengawalan dan penilaian yang berkesan harus diwujudkan agar segala isu yang timbul dapat diselesaikan dengan baik.

Dalam satu kajian yang dijalankan di seluruh negara, pengguna Malaysia memilih pengangkutan awam sebagai isu kedua penting yang dihadapi oleh mereka (yang pertama ialah kenaikan harga makanan). Justeru, pengguna Malaysia berhak untuk mendapatkan sistem pengangkutan yang cekap dan mampu dibayar untuk kesejahteraan kehidupan mereka dan kepentingan alam sekitar negara,. Ini merupakan hak pengguna.

Disediakan oleh:

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)

Persatuan Pengusaha-Pengusaha Bas SeMalaysia (PMBOA)

7 Oktober 2010